



Cabaran Akidah Era Revolusi Perindustrian 4.0

Muhammad Rashidi Wahab

Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Usuluddin,
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam,
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)



Revolusi perindustrian secara mudahnya difahami sebagai fasa perkembangan kemajuan teknologi perindustrian zaman moden, khususnya yang berlaku di Barat. Revolusi ini kemudiannya turut mempengaruhi negara lain di seluruh dunia, termasuklah Malaysia. Hingga kini, revolusi perindustrian telah mencapai empat fasa atau peringkat. Revolusi Perindustrian 1.0 sekitar tahun 1760 hingga 1840 berasaskan penggunaan enjin berkuasa wap. Revolusi Perindustrian 2.0 sekitar tahun 1870 hingga 1914 pula berasaskan penggunaan tenaga elektrik. Kemudian muncul pula Revolusi Perindustrian 3.0 sekitar tahun 1960-an yang berasaskan penggunaan komputer. Bermula sekitar tahun 2016, dunia telah memasuki fasa baharu Revolusi Perindustrian 4.0 yang ditandai dengan penggunaan teknologi berasaskan Internet yang dikenali sebagai Internet benda (*Internet of things*).

Dalam era Revolusi Perindustrian (IR) 4.0 kini, manusia diarahkan kepada dunia siber dan digital seperti penggunaan robot dalam kehidupan seharian. Robot mula mengambil alih peranan dan tugas manusia sedikit demi sedikit. Menurut Klaus Schwab, Pengasas dan Pengerusi Eksekutif bagi Forum Ekonomi Dunia (*World Economic Forum*), IR 4.0 telah mencetuskan perubahan cara atau norma hidup manusia yang dipacu oleh tiga domain utama, iaitu fizikal, digital dan biologikal, dengan merentasi sembilan tonggak IR 4.0 yang berasaskan teknologi pintar. Paling jelas kelihatan ialah telefon pintar. Bagi mendepani cabaran IR 4.0 tersebut, manusia perlu menguasai empat perkara penting, iaitu pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, kemahiran berkomunikasi, kolaborasi atau kerjasama, dan kreativiti.

Dari sudut capaian maklumat pula, ledakan IR 4.0 benar-benar telah merealisasikan slogan dunia di hujung jari. Segala bentuk maklumat dapat diperolehi dengan begitu mudah dan cepat melalui kemudahan Internet.

Peristiwa yang berlaku jauh beribu kilometer dapat diketahui hanya dalam sekelip mata. Penulisan tokoh-tokoh berpengaruh dari Timur dan Barat dapat diakses tanpa perlu menunggu buku mereka yang bercetak. Malah, semua orang boleh berkongsi maklumat melalui media sosial masing-masing, seperti Facebook, Twitter, YouTube dan sebagainya untuk dibaca atau ditonton oleh khalayak. Fenomena ini dikaitkan dengan perihai globalisasi dunia tanpa sempadan. Dengan kata lain, dunia hari ini menjadi semakin dekat dan mengecil, disebabkan oleh teknologi berasaskan Internet yang menjadi produk utama bagi IR 4.0.

Walau bagaimana sekalipun manusia mengenali revolusi perindustrian sebagai fasa perkembangan teknologi dan ekonomi dunia, pada hakikatnya revolusi ini jauh lebih daripada itu dan bukan sekadar bahan sejarah perindustrian semata-mata. Sebagai contoh, revolusi perindustrian turut dijadikan sebagai strategi *softpower*, iaitu alat propaganda Barat untuk mempamerkan peradaban dan kekuatan teknologi mereka dalam pelbagai bidang. Perkara sebegini penting bagi mempengaruhi dan menguasai dunia, khususnya dari aspek geopolitik antarabangsa, agar manusia terus tunduk pada kehendak Barat. Demikian juga halnya dengan misi penjajahan Barat terhadap umat Islam dahulu, yakni bukan sekadar penaklukan berbentuk geografi semata-mata, sebaliknya bersama-sama penjajahan tersebut terselit sebuah pakej perancangan 3G, iaitu *Gold* (Emas), *Glory* (Kemasyhuran) dan *Gospel* (Bible).

Oleh sebab itu, setiap orang perlu bersedia dari aspek fizikal mahupun mental bagi menghadapi gelombang IR 4.0 ini. Kegagalan mempersiapkan diri dengan tuntutan dan keadaan semasa akan mengakibatkan seseorang itu ketinggalan zaman dan mudah dieksploitasikan oleh pihak lain. Dalam hal ini, Sayidina Ali r.a. dikatakan pernah berpesan agar ibu bapa mendidik anak mereka sesuai dengan zaman anaknya, kerana anak itulah yang akan mendepani zaman tersebut. Maka itu, penting untuk setiap orang mengetahui selok-belok cabaran zaman ini agar mereka dapat menimbangbaik atau buruk sesuatu perkara itu dengan neraca yang betul.

Walau bagaimanapun, melalui ruangan ini penulis hanya ingin menyentuh mengenai cabaran IR 4.0 terhadap akidah dan pemikiran umat Islam, khususnya yang melibatkan aliran-aliran yang bertentangan dengan Ahli Sunah Waljamaah di Malaysia. Perkara ini sangat



perlu diketengahkan kepada masyarakat memandangkan akidah merupakan tunjang paling utama dalam agama Islam. Jika rosak akidahnya, maka rosaklah keislaman seseorang. Oleh itu, bagi melihat secara lebih jelas cabaran akidah pada era IR 4.0 ini, penulis membahagikan cabaran tersebut kepada dua bentuk, iaitu cabaran dalaman dan cabaran luaran.

Cabaran dalaman ialah cabaran yang datang dari dalam Islam, iaitu dalam kalangan umat Islam sendiri, manakala cabaran luaran pula sebaliknya, iaitu cabaran yang datang dari luar Islam. Berkaitan dengan cabaran dalaman, umat Islam terdedah dengan pelbagai fahaman yang menyeleweng, seperti aliran Syiah, ajaran sesat, Salafi-Wahabi dan ekstremis agama. Aliran ini telah mempromosikan pegangan mereka melalui medium Internet sama ada secara langsung (tersurat) atau secara tidak langsung (tersirat).


Mengambil contoh ekstremis agama, iaitu Islamic State of Iraq and Syria (ISIS) dan al-Dawla al-Islamiya fi Iraq wa al-Sham atau DAESH, menurut kenyataan Polis Diraja Malaysia (PDRM), kebanyakan yang direkrut menyertai ISIS disebabkan terpengaruh dengan propaganda yang disebarkan melalui media baharu yang berasaskan Internet. Hasilnya, sehingga 2017, dilaporkan seramai 234 orang rakyat Malaysia telah disyaki terlibat dengan ISIS. Perkara ini pernah disentuh oleh penulis dalam artikel bertajuk "Ancaman Ekstremisme Agama" terbitan majalah *Dewan Tamadun Islam* Bil. 10/2016. Begitu juga halnya dengan ajaran sesat, sekalipun telah difatwakan menyeleweng daripada ajaran Islam sebenar oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri, namun mereka masih boleh menyebarkan ajaran sesat tersebut melalui Internet. Pengikut mereka terus bertambah dari semasa ke

semasa tanpa dapat dikawal sepenuhnya oleh pihak berkuasa agama Islam.

Walau bagaimanapun, cabaran dalaman ini lebih mudah difahami oleh kebanyakan umat Islam berbanding dengan cabaran luaran. Oleh itu, berkaitan dengan cabaran luaran, umat Islam terdedah dengan pelbagai ideologi moden, khususnya dari Barat, seperti sekularisme, liberalisme dan ateisme. Mereka menyelinap masuk ke dalam Islam secara halus dan senyap tanpa disedari. Mengambil contoh ateisme, pendedahan mengenai perjumpaan kumpulan *Atheist Republic* di Kuala Lumpur pada Ogos 2017 yang lalu telah membuka mata banyak pihak bahawa ateis benar-benar wujud di Malaysia. Maklumat di Internet merupakan penyumbang utama kepada kebanyakan mereka terpengaruh dengan fahaman ateisme. Perkara ini juga pernah disentuh oleh penulis dalam artikel

Firman Allah SWT yang bermaksud, "Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak akan reda kepada kamu sehingga kamu mengikuti *millah* (agama, pegangan dan cara) mereka."

(Surah al-Baqarah 2:120).





bertajuk “Bahaya Ateisme: Pemikiran Menolak Tuhan” terbitan majalah *Dewan Tamadun Islam* Bil. 10/2017.

Dalam hal ini, Friedrich Nietzsche mengisytiharkan bahawa tuhan telah mati, dan gagasan ini telah menjadi asas terpenting kepada ateisme dan lain-lain ideologi untuk tidak lagi mempercayai kewujudan tuhan. Maka itu, kehidupan dunia kini diisytiharkan bebas daripada kongkongan tuhan dan agama. Kemunculan agama baharu, khususnya berlandaskan sekularisme, dicanangkan bagi menggantikan agama-agama tradisional. Pendirian ini dikatakan bertepatan dengan proses evolusi perkembangan manusia daripada kanak-kanak menjadi dewasa, dengan manusia membuang sifat kanak-kanak tersebut apabila mereka telah meningkat dewasa. Dalam erti kata lain, kemodenan dan kemajuan pada masa ini menyebabkan manusia tidak perlu lagi bergantung pada tuhan.

Manusia boleh melakukan apa-apa sahaja dengan teknologi. Pemikiran sebeginilah yang akan mewarnai era IR 4.0 jika tidak dibendung. Firman Allah SWT yang bermaksud, “Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak akan reda kepada kamu sehingga kamu mengikuti *millah* (agama, pegangan dan cara) mereka.” (*Surah al-Baqarah* 2:120).

Seiring dengan IR 4.0 juga, umat Islam turut berhadapan dengan ideologi moden zaman ini, iaitu pascamodenisme. Antara ciri utamanya termasuklah tiada kebenaran mutlak kerana setiap perkara dianggap bersifat relatif. Keadaan ini juga disebutkan sebagai era pascakebenaran (*post-truth*), yakni kebenaran dan kepalsuan bercampur aduk sehingga tidak dapat dipastikan hakikat kebenaran sebenar. Cabaran luaran ini telah tersebar dengan begitu cepat melalui medium Internet yang menjadi elemen utama IR 4.0. Namun begitu, yang pasti kedua-dua bentuk cabaran ini datang secara serentak dan seiringan dengan kemudahan mengakses Internet 24 jam sehari.

Dalam konteks di Malaysia, cabaran akidah mesti diberikan perhatian yang serius kerana majoriti rakyat Malaysia merupakan pengguna Internet yang terdedah dengan pelbagai aliran dan pemikiran asing pada setiap masa. Menurut laporan kajian Internet Users Survey 2018 yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), sebanyak 87.4 peratus rakyat Malaysia menggunakan Internet dalam kehidupan seharian mereka dan daripada jumlah itu, sebanyak 93.1 peratus mengakses

Internet melalui telefon pintar dengan aplikasi paling banyak digunakan ialah WhatsApp (98.1 peratus) dan Facebook (97.3 peratus).

Menurut laporan itu lagi, mereka yang berumur antara 20 hingga 40 tahun merupakan pengguna Internet paling ramai di Malaysia. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa Internet merupakan wahana terpenting bagi rakyat Malaysia pada masa ini, khususnya bagi golongan remaja dan pertengahan. Mereka menggunakan Internet semaksimum yang mungkin, termasuklah untuk belajar dan mencari maklumat berhubung persoalan atau permasalahan yang melibatkan agama Islam.

Kaedah tradisi menuntut ilmu secara bersemuka dengan guru berkelayakan telah berubah pada era IR 4.0. Hal ini menyebabkan sebahagian maklumat yang diperolehi daripada sumber Internet diragui keabsahannya. Jika perkara ini tidak dapat ditangani segera, umat Islam di Malaysia bakal melahirkan generasi muda yang mempunyai pemikiran keliru dan bercelaru sebagai pewaris negara. Akibatnya, negara akan rosak di bawah pemimpin yang tidak mempunyai pegangan akidah Islam yang benar dan kukuh. Oleh hal yang demikian, penting bagi setiap Muslim memperkukuh akidah Ahli Sunah Waljamaah dalam diri dan keluarga masing-masing, seperti belajar daripada guru yang berkelayakan atau membaca buku yang betul. Syarat ini merupakan benteng paling kuat bagi mendepani cabaran semasa yang datang dari pelbagai sudut; atas dan bawah, kiri dan kanan mahupun depan dan belakang.

Berdasarkan situasi yang dipaparkan tersebut, cabaran terhadap akidah umat Islam era IR 4.0 menjadi sangat getir, rumit dan membimbangkan. Oleh itu, semua pihak harus bekerjasama bagi menghadapi situasi ini supaya aliran dan fahaman yang menyeleweng dapat dihindari daripada terus merosakkan akidah umat Islam. Walau bagaimanapun, harus dicatatkan juga, IR 4.0 mempunyai sisi eloknya yang boleh dimanfaatkan sebaik-baik mungkin oleh setiap orang. Dalam konteks tajuk ini, umat Islam boleh menggunakan medium Internet untuk menyebarkan ajaran Islam yang sebenar dengan pelbagai cara, seperti menulis dan berceramah. Jika bahan-bahan yang baik mendominasi dunia Internet, maka secara tidak langsung bahan-bahan yang buruk akan hilang daripada pandangan. Maka itu, Internet akan menjadi medan jihad yang boleh digunakan untuk berbakti kepada agama Islam yang tercinta ini. DTI